



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **2 Oct2021 (Saturday)**

### **Berita Harian**

Gangguan bekalan air 4 hari di Lembah Klang	1
Mahmud Abbas dilantik CEO PKNS	2

### **Utusan Malaysia**

Jaga maruah kehormatan Paskal - Sultan Sharafuddin	3
--	---

### **Harian Metro**

Penderitaan 5,000 penduduk bakal berakhir	4
---	---

### **Kosmo**

'Anggota Paskal jangan abaikan tuntutan agama'	5
GM Klang optimis kembali pulih	6
4 hari Lembah Klang tiada air lagi	7

### **Sinar Harian**

GM Klang hargai pelanggan setia menerusi Kempen Road To Bonanza 12	8
998 kawasan berdepan gangguan air berjadual	9
MPK gempur struktur haram dijadikan sarang penagih dadah	10
Rebat Pengangkutan ke PPVdilanjutkan hingga 30 November ini	11

### **The Star**

Councillors debate on new management guideline issued by selangor government	12
Taman Melawis residents want monsoon drains desilted to prevent flash flood	13

### **New Straits Times**

PKNS appoints Mahmud Abbas as new CEO	14
---------------------------------------	----

### **The Edge**

Tan & Tan's D'Laman Kundang 80% sold	15
--------------------------------------	----

### **China Press**

Upgrading of the Sungai Selangor Water Treatment Plant Phase 1; Water supply cuts in 998 areas from the 13th onwards	16
MBSA celebrates its 21st anniversary of being upgraded to the City Council, offering 6 free services and a 70% discount on fines	17

### **Sin Chew Daily**

The Sultan of Selangor has commanded the Naval Special Forces to not get involved in immoral activities	18
The burst water pipe has been repaired; the water supply of many areas in Seri Kembangan have been restored	19
Water Treatment Plant Phase 1 begins upgrading; Water supply cuts in 998 areas in Selangor and Kuala Lumpur from the 13th to the 16th	20

### **Guang Ming Daily**

Retaining walls to stabilize the slope to prevent a recurrence of the Kemensah Heights landslide	21
--	----

### **Makkal Osai**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Solution for prevent landslide

22

**Malaysia Nanban**

The federal government should help Selangor government vaccine programme

23



**KERATAN AKHBAR**  
**2 October 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air 4 hari di Lembah Klang
Muka Surat	:	18

# Gangguan bekalan air 4 hari di Lembah Klang

**998 kawasan terbabit mulai 13 hingga 16 Oktober susulan kerja tambah baik LRA SSP1**

Oleh **Tuty Haryanti Ahmad Rodzi**  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 998 kawasan di Lembah Klang khususnya di Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual selama empat hari bermula 13 hingga 16 Oktober ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Suhaimi Kamaralzaman, berkata ia susulan kerja penambahbaikan dan penyenggaraan aset kritikal pada tempoh itu yang akan menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air

Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1).

Katanya, pelaksanaan kerja itu tertangguh daripada jadual asal pada tahun 2019 dan 2020 berikutan insiden pencemaran air yang menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual berskala besar.

Namun beliau menegaskan, pelaksanaan kerja penambahbaikan dan penyenggaraan itu mendapat kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Bekalan air akan mula disalurkan kepada pengguna secara berperingkat bermula jam 5 petang pada 14 Oktober selepas kerja menaik taraf dan penyenggaraan siap, seterusnya sistem agihan bekalan air distabilkan.

**Bekalan air akan mula disalurkan kepada pengguna secara berperingkat bermula jam 5 petang pada 14 Oktober selepas kerja menaik taraf dan penyenggaraan siap**

**Suhaimi Kamaralzaman,**  
 Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor



han bekalan air distabilkan.

"Bekalan air dijangka akan pulih sepenuhnya jam 9 malam pada 16 Oktober. Air Selangor menasihatkan pelanggan untuk menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh gangguan bekalan air berjadual ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Suhaimi berkata, tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan yang terjejas adalah berbeza bergantung kepada jarak lokasi premis pengguna dan tekanan pada sistem agihan bekalan air.

Oleh itu katanya, Air Selangor akan menggerakkan 105 lori tangki air ke kawasan terjejas

dengan memberikan keutamaan kepada premis kritikal seperti hospital, pusat dialisis dan upacara pengebumian.

Beliau berkata, Air Selangor juga akan menyediakan 18 pili air awam mulai 14 hingga 16 Oktober untuk kemudahan pelanggan yang memerlukan bekalan air semasa tempoh pemulihan bekalan air.

"Bagi pelanggan komersial, pembelian air menggunakan lori tangki air masing-masing akan dibuka di empat stesen pengisian air setempat.

"Pelanggan komersial boleh membuat pembayaran untuk pembelian air tersebut di 10 Kaunter Khidmat Pelanggan Air Selangor.

"Senarai lengkap kawasan terjejas, pili air awam dan Stesen Pengisian Air Setempat boleh didapati di laman pautan hentitugas.airselangor.com," katanya.

Katanya, pengguna boleh mendapatkan maklumat gangguan bekalan air berjadual ini dari semasa ke semasa menerusi aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter atau menghubungi Air Selangor di talian 15300.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 2 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Mahmud Abbas dilantik CEO PKNS
Muka Surat	:	29

# Mahmud Abbas dilantik CEO PKNS

**Perbadanan** Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengumumkan pelantikan Datuk Mahmud Abbas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu, berkuat kuasa semalam.

Dalam satu kenyataan, PKNS berkata Mahmud yang sebelum ini ialah Pengerusi Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), akan menggantikan Siti Zubaidah Abd Jabar yang bersara pada 10 Ogos lalu.

PKNS berkata Mahmud akan menjalankan peranan penting dalam pembangunan strategik di sekitar Selangor di samping mendukung aspirasi kerajaan negeri dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi di negeri berkenaan.

Mahmud mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam dunia korporat khususnya dalam industri hartanah dan antaranya sebagai CEO di syarikat tersenarai awam Knowledge Economic City (KEC) di Madinah, Arab Saudi.

Beliau yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dari Brighton University juga ialah Pengarah Urusan Central Spectrum Sdn Bhd (CSSB) selama tujuh tahun sebelum menerajui KEC dan HDC.

Sumbangan dan perkhidmatan cemerlang Mahmud dalam menerajui syarikat-syarikat korporat terkemuka telah dibuktikan apabila beliau menerima pelbagai anugerah peribadi antaranya 'Chief Executive of the Year 2017' daripada Selangor Excellence Business Awards, kata PKNS.

BERNAMA

Mahmud  
Abbas







## KERATAN AKHBAR 2 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Jaga maruah kehormatan Paskal - Sultan Sharafuddin
Muka Surat	:	8



**SULTAN** Sharafuddin Idris Shah memberi tabik hormat pada Upacara Penamaan dan Pentauliahkan KD Panglima Garang di Pangkalan TLDM, Lumut, Perak, semalam.

# Jaga maruah, kehormatan Paskal - Sultan Sharafuddin

**LUMUT:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, anggota Pasukan Khas Laut (Paskal) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) perlu menjaga maruah dan kehormatan pasukan itu.

Baginda selaku Kepten Yang Dipertua TLDM bertitah, lambang trimedia yang tersemat di dada anggota Paskal adalah lambang kehormatan yang perlu dipertahankan.

“Jangan menggadaikan prinsip seorang anggota Paskal dengan melibatkan diri dalam perkara yang tidak bermoral

dan melanggar peraturan perkhidmatan.

“Anggota wajib berpegang teguh kepada sumpah dan ikrar Paskal,” titah baginda pada Upacara Penamaan dan Pentauliahkan KD Panglima Garang di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), di sini semalam.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang; Timbalan Panglima TLDM, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman Ayob dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (Dasar),

Ahmad Nazri Mohd. Hasan.

Sultan Sharafuddin bertitah, semua warga Paskal perlu mempersiapkan diri dalam segala aspek kemahiran, fizikal dan mental serta memastikan sentiasa mempunyai kemampuan diri untuk melaksanakan misi dan operasi khas yang diamanahkan oleh pihak tertinggi TLDM.

Titah baginda, tugas anggota Paskal sangat mencabar dan berisiko tinggi.

“Teruskan menimba ilmu pengetahuan, sesuai dengan perkembangan teknologi semasa,” titah baginda.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>2 October 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Penderitaan 5,000 penduduk bakal berakhir
Muka Surat	:	8

## **PROJEK TEBATAN BANJIR SUNGAI LANGAT FASA 1**

# **Penderitaan 5,000 penduduk bakal berakhir**

**Dengkil:** Penderitaan 5,000 penduduk yang sering berhadapan banjir kilat di beberapa kampung di kawasan ini bakal berakhir apabila kerajaan bersetuju memperuntukkan RM41 juta menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 1 di Sepang.

Menteri Alam Sekitar dan Air (Kasa) Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, peruntukan disediakan itu bagi mengatasi risiko banjir yang sering berlaku di kawasan Dengkil dan Sepang.

Menurut beliau, pihaknya banyak menerima aduan di



*Peruntukan disediakan itu bagi mengatasi risiko banjir yang sering berlaku di kawasan Dengkil dan Sepang”*

**Tuan Ibrahim**

media sosial daripada penduduk di beberapa kampung di kawasan ini berhubung kejadian banjir kilat yang sering melanda kawasan itu setiap kali hujan lebat.

Katanya, beliau turut

mendengar taklimat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyatakan kawasan ini sering dilanda banjir dan ban pecah sehingga menyebabkan harta benda penduduk rosak.

“Bagi penyelesaian jangka pendek dan segera Kementerian meluluskan peruntukkan RM600,000 bagi penyelenggaraan sistem perparitan, menaik taraf ban Sungai Semarang dan pengaktifan pam di pintu air sungai berkenaan serta-merta,” katanya yang dikongsi menerusi Facebooknya selepas mengadakan lawatan ke Kampung Sri Tanjung dan Kampung Lalang di sini, kelmarin.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Mohd Harun dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Dengkil Adhif Syan Abdullah.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 2 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Anggota Paskal jangan abaikan tuntutan agama'
Muka Surat	:	7

### 'Anggota Paskal jangan abaikan tuntutan agama'

**LUMUT** – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan Pasukan Khas Laut (Paskal) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) agar tidak mengabaikan tuntutan agama selain menjaga maruah dan kehormatan.

Baginda selaku Kepten Yang Dipertua TLDM turut menitahkan anggota Paskal sentiasa ingat kepada Tuhan walau dalam apa jua keadaan sekali pun selain sentiasa berdoa sekiranya mengalami kesukaran ketika bertugas.

Malah baginda turut menzahirkan sentiasa mendoakan agar seluruh anggota Paskal diberikan kekuatan dan keberanian serta menghindar diri daripada ketakutan.

"Lambang trimedia yang



**SULTAN Sharafuddin (tengah) bergambar selepas upacara Penamaan dan Pentauliahan Pusat Latihan Paskal kepada KD Panglima Garang di Pengkalan TLDM Lumut semalam.**

tersemat di dada anda adalah lambang kehormatan yang perlu dipertahankan.

"Jangan menggadaikan prinsip seorang anggota Paskal dengan melibatkan diri kepada

perkara yang tidak bermoral dan melanggar peraturan perkhidmatan. Anda wajib berpegang

teguh kepada sumpah dan ikrar Paskal," titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah pada upacara Penamaan dan Pentauliahan Pusat Latihan Paskal kepada Kapal Diraja (KD) *Panglima Garang* di Pengkalan TLDM di sini semalam.

Paskal yang ditubuhkan pada 1982 telah berfungsi untuk mempertahankan Stesen Luar Pantai TLDM di Laut China Selatan selain melaksanakan pelbagai operasi khas di laut, darat dan udara daripada ancaman keselamatan.

Sepanjang tempoh itu juga, Paskal telah berjaya melatih seramai 1,103 orang pegawai dan anggota tentera laut dalam dan luar negara melalui pelbagai kursus-kursus khas yang dijalankan.



## KERATAN AKHBAR 2 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	GM Klang optimis kembali pulih
Muka Surat	:	14

# GM Klang optimis kembali pulih

**KLANG** – Pusat Borong GM Klang optimis perniagaan mereka kembali pulih dengan lebih ramai pengunjung membeli-belah pada masa depan apabila kerajaan memberi kelonggaran rentas negeri di negara ini.

Pengarah Urusan GM Klang, Datuk Lim Seng Kok berkata, ketika ini pihaknya bekerjasama dengan Tourism Selangor menerusi program 'Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu' dalam usaha meningkatkan sektor pelancongan terutama sebagai hab membeli-belah.

Katanya, mereka juga mengadakan pelbagai program dan cabutan bertuah bagi meraikan ulang tahun pembukaan ke-12, semalam.

"Kita telah melaksanakan Road To Bonaza-12 bermula Jun hingga Disember ini dengan dua pemenang setiap bulan yang dipilih akan menerima pakej pelancongan dalam Selangor bernilai RM2,000.

"Kita akan menyenaraikan 10 lagi nama pada setiap bulan hingga ke hujung tahun ini bagi merebut hadiah utama berupa sebuah motosikal yang mencecah nilai RM10,000," katanya ketika ditemui pada sambutan GM Klang Ke-12 semalam.

Setakat ini, lebih 500 penyertaan telah diterima dengan



**SENG KOK (kanan) berbual dengan seorang peniaga pakalan di GM Klang sempena sambutan GM Klang ke-12 semalam.**

pelanggan perlu membuat pembelian RM100 ke atas menerusi e-Wallet.

Seng Kok mengakui, kesan diterima akibat pandemik Covid-19 amat mencabar kepada pihaknya, namun trend pembelian didapati semakin positif walaupun akan mengambil masa sedikit.

"Saya amat berharap, kita akan menerima lebih ramai pelanggan pada pertengahan Oktober ini sejajar pengumuman jang-

kaan pembukaan rentas negeri oleh kerajaan sebelum ini.

"Ini berikutan, kebanyakan pelanggan kita adalah dari luar Lembah Klang dengan dibantu perkembangan ekonomi negara yang semakin baik," katanya.

Untuk rekod, terdapat hampir 500 peniaga beroperasi di GM Klang ketika ini dan pernah menerima pelanggan mencecah 10,000 orang terutama pada hujung minggu.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

### 2 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	4 hari Lembah Klang tiada air lagi
Muka Surat	:	16

998 kawasan alami gangguan bekalan air bermula 13 Oktober ini

# 4 hari Lembah Klang tiada air lagi

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Sebanyak 998 kawasan di tujuh wilayah di Lembah Klang dijangka mengalami gangguan bekalan air berjadual selama empat hari bermula 13 Oktober depan.

Gangguan itu ekoran pelaksanaan kerja penambahbaikan dan penyenggaraan aset kritikal yang akan menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1).

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memaklumkan kawasan itu melibatkan wilayah Kuala Lumpur, Petaling Klang/Shah Alam, Gombak, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

"Gangguan bekalan air berjadual itu bermula pukul 9 pagi 13 Oktober dan dijangka pulih sepenuhnya pada pukul 9 malam 16 Oktober depan.

"Senarai kawasan yang akan mengalami gangguan boleh didapati di laman pautan henti tugas

[airselangor.com](http://airselangor.com)," katanya menerusi kenyataan semalam.

Tambah kenyataan itu, pelaksanaan, kerja berkenaan sudah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi menaik taraf sistem bekalan air demi kesejahteraan para pengguna.

"Pelaksanaannya sebelum ini tertangguh daripada jadual asal iaitu pada 2019 dan tahun lalu.

"Ia berikutan insiden pencemaran air yang menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual berskala besar," katanya.

Sehubungan itu, Air Selangor menasihatkan pengguna yang terjejas supaya menyimpan bekalan air dan menggunakannya secara berhemah sepanjang tempoh gangguan kelak.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai gangguan bekalan air itu menerusi semua saluran komunikasi rasmi Air Selangor atau menghubungi talian **15300**.



**PENDUDUK** sekitar PJS 1 beratur untuk mendapatkan bekalan air dari lori tangki Syarikat Air Selangor pada September tahun lalu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>2 October 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	GM Klang hargai pelanggan setia menerusi Kempen Road To Bonanza 12
Muka Surat	:	15

## GM Klang hargai pelanggan setia menerusi Kempen Road To Bonanza 12

**KLING** - Pusat Borong GM Klang menyemarakkan ulang tahunnya yang ke-12 tahun ini dengan cara tersendiri sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan setia mereka.

Pengarah Urusannya, Datuk Lim Seng Kok berkata, pelbagai program telah disusun, antaranya Kempen Road To Bonanza 12 yang menawarkan pelbagai hadiah menarik.

Menurutnya, pemenang cabutan bertuah dipilih setiap bulan dan mereka berpeluang memenangi pakej pelancongan bernilai RM2,000 termasuk menang hadiah utama sebuah motosikal.

"Lebih istimewa, kempen ulang tahun kali ini mendapat sokongan Tourism Selangor menerusi tawaran hadiah bulanan berupa pakej pelancongan tempatan bernilai RM2,000.

"Ini adalah salah satu inisiatif GM Klang untuk membantu industri pelancongan Selangor, sekali gus menyokong kempen 'Pusing Selangor Dulu' yang dianjurkan Tourism Selangor," katanya kepada pemberita pada

Jumaat selepas menyempurnakan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-12 GM Klang yang turut dihadiri Naib Presiden Persatuan Pemborong Malaysia, Eddie Soh.

Dalam pada itu, Seng Kok berkata, GM Klang turut mengambil peluang mempromosikan maskot Gina & Mat dengan lebih meluas kepada orang ramai sempena sambutan ulang tahun itu.

"Saya yakin ekonomi negara yang kini dalam proses pemulihan akan bertambah baik, sekali gus dapat menganjurkan program lebih besar pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Pengurus Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, Kempen Road To Bonanza 12 itu bermula sejak Jun lalu.

Menurutnya, kempen juga amat mudah untuk disertai kerana pelanggan hanya perlu berbelanja RM100 ke atas di mana-mana kedai di GM Klang menggunakan aplikasi e-wallet.

"Dua pemenang bertuah setiap bulan berpeluang memenangi



Seng Kok (kiri) bersama Eddie memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun ke-12 GM Klang pada Jumaat.

pakej pelancongan bernilai RM2,000, manakala 10 nama pelanggan akan diumumkan setiap bulan sepanjang kempen berlangsung (sehingga Disember) untuk cabutan bertuah menang hadiah utama sebuah motosikal berjenama," katanya.

Maklumat lanjut boleh layari laman web [gmklang.com](http://gmklang.com) atau media sosial (Facebook, Instagram, Twitter, TikTok dan YouTube) di [@GMKlang](https://www.facebook.com/GMKlang) atau [@GMKlang](https://www.youtube.com/channel/UC...) atau [@gmklangofficial](https://www.instagram.com/GMKlang).



Seng Kok (kiri) dan Eddie menyempurnakan simbolik Sambutan Ulang Tahun ke-12 GM Klang.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 2 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	998 kawasan berdepan gangguan air berjadual
Muka Surat	:	24



Sebanyak 998 kawasan sekitar Lembah Klang bakal berdepan gangguan bekalan air bermula jam 9 pagi 13 Oktober ini.

# 998 kawasan berdepan gangguan air berjadual

Bermula 13 Oktober ini dan dijangka pulih sepenuhnya pada 16 Oktober

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Sebanyak 998 kawasan di Lembah Klang bakal berdepan gangguan air berjadual susulan pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan aset-aset kritikal yang menyebabkan penutupan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1).

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menerusi kenyataan di Facebook pada Jumaat berkata, kawasan terlibat membabitkan wilayah Petaling, Klang/ Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor,

Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Katanya, gangguan berkenaan akan bermula jam 9 pagi pada 13 Oktober ini dan dijangka pulih sepenuhnya jam 9 malam pada 16 Oktober depan.

"Pelaksanaan kerja-kerja ini telah tertangguh daripada jadual asal iaitu pada tahun 2019 dan 2020 berikutan insiden pencemaran yang menyebabkan gangguan bekalan air berskala besar," katanya.

Dalam pada itu, Air Selangor berkata, pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan itu juga telah mendapat kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) demi keselesaan pengguna pada masa hadapan.

Berikutan itu, Air Selangor menasihati pelanggan yang terjejas agar dapat membuat simpanan bekalan secukupnya dan menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh gangguan itu.

"Senarai kawasan yang mengalami gangguan bekalan air berjadual boleh didapati menerusi pautan <http://hentiugas.airselangor.com>," katanya.





## KERATAN AKHBAR 2 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MPK gempur struktur haram dijadikan sarang penagih dadah
Muka Surat	:	24

### MPK gempur struktur haram dijadikan sarang penagih dadah

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan kerjasama beberapa agensi berkaitan menggempur sebuah struktur binaan di Lintang Sungai Keramat 6, Klang Utama di sini yang dijadikan sarang penagih dadah.

Yang Dipertuanya, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, menerusi aduan awam yang diterima, pihaknya turut mendapati terdapat aktiviti penjualan dan pengumpulan barangan lusuh di lokasi berkenaan.

Berikutan itu, katanya, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Klang telah mengeluarkan notis atas kesalahan di bawah Seksyen 425 (1)(a) Kanun Tanah Negara ke atas pihak terlibat kerana mencerooboh tanah kerajaan.

“Tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air juga

dilaksanakan serta-merta kerana melakukan penyambungan secara haram,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Antara agensi yang turut sama dalam operasi berkenaan adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), PTD Klang dan jabatan-jabatan dalaman MPK.

Menerusi operasi berlainan, Ahmad Fadzli berkata, MPK turut mengambil tindakan ke atas dua struktur gerai sekitar Bandar Sultan Suleiman di sini yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 46(1)(a)(b) Akta Jalan Parit dan Bangunan kerana membuat pembinaan kekal di atas rizab jalan.

“Operasi seperti ini akan diteruskan dari masa ke masa bagi menangani isi binaan haram dan kerjasama dengan agensi berkaitan akan dipertingkatkan lagi,” katanya.



**MPK bersama agensi terlibat menggempur struktur binaan haram dalam beberapa operasi dijalankan baru-baru ini.**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **2 October 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Rebat Pengangkutan ke PPV dilanjutkan hingga 30 November ini
Muka Surat	:	24

### Rebat Pengangkutan ke PPV dilanjutkan hingga 30 November ini

**SHAH ALAM** - Rebat Pengangkutan sebanyak RM20 untuk penerima vaksin di Selangor ke pusat pemberian vaksin (PPV) dilanjutkan tempoh sehingga 30 November 2021.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, rebat tersebut merupakan usahasama kerajaan negeri tersebut dengan syarikat pengangkutan perkhidmatan e-hailing Grab dan boleh digunakan oleh penerima vaksin golongan remaja di negeri tersebut.

Katanya, permohonan untuk mendapatkan rebat itu boleh dibuat oleh ibu bapa penerima vaksin bagi kegunaan anak-anak mereka.

“Rebat Pengangkutan untuk penerima vaksin ke PPV kini dilanjutkan tempoh sehingga 30 November 2021. Rebat ini adalah usahasama dengan @GrabMY dan boleh digunakan oleh penerima vaksin remaja.

“Permohonan boleh dibuat oleh ibu bapa bagi kegunaan anak-anak,” katanya menerusi satu ciapan di Twitter pada Jumaat.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan Amirudin mengumumkan inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada Pakej Kita 2.0 meliputi 25 program yang memanfaatkan sekurang-kurangnya 1.6 juta rakyat negeri Selangor.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>2 October 2021</b>		
Akhhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Councillors debate on new management guideline issued by selangor government
Muka Surat	:	4

By **JADE CHAN**  
 jade@thestar.com.my

A BRIEFING on a new management guideline for councillors in Selangor's local authorities saw several Selayang Municipal councillors raising concerns over qualifications, job descriptions and technical committees.

Selayang Municipal Council (MPS) secretariat division head Mohd Zikry Zukifle said changes and additions in the new guideline included nomination of candidate, eligibility, residency status, financial status, education level, work experience, duration of appointment, allowances and complaints against councillors.

"Also included is consolation payment for councillors upon the end of appointment or official resignation that can be considered, depending on the respective local authority's financial status," he said when briefing attendees on the guideline.

The guideline, issued as a circular by the Selangor state secretary (local government section), was brought up during MPS' full board meeting.

Mohd Zikry added that there was a need to coordinate and reconsider the existence of MPS' Privatisation and Investment Committee, which is not one of the committees listed in the guideline.

Councillors Wan Anwar Wan Ibrahim and Amir Fazlee Khalid then questioned whether the committee was allowed under the new guideline and what MPS could do next.

When MPS president Mohd Yazid Sairi called for a vote, the majority of councillors supported the suggestion to temporarily place the committee under the Finance Committee and to get the state authority to seek a resolution on the matter.

"A local authority can establish committees as specified under the Local Government Act (Act 171).

"We felt there was a need to establish a dedicated committee to

discuss investment and privatisation matters in the municipality," said Mohd Yazid.

"However, the new guideline, which aims to coordinate and standardise the management of councillors, mentions the establishment of specific committees.

"The formation of those not stipulated in the guideline requires the state authority's permission and approval.

"Therefore, we will adopt the guideline and the meeting attendees agreed to make the Privatisation and Investment Committee a technical committee under the Finance Committee while maintaining its existing functions," he said, adding that the guideline was effective immediately.

In his speech earlier, the council president said MPS held a special meeting for its 2022 budget on Sept 22 and that it would be a balanced

budget of RM189.27mil.

